

## **KENYATAAN AKHBAR MENGENAI STATUS KUALITI UDARA PADA 18 JUN 2012**

Sepanjang tempoh 24 jam lalu, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) dari 51 buah stesen pengawasan kualiti udara Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang direkodkan pada jam 11 pagi, 18 Jun 2012 mencatatkan 5 kawasan berada pada tahap baik dan 45 kawasan berada pada tahap sederhana dan **SEBUAH (1) stesen berada pada tahap tidak sihat** iaitu di **Seberang Jaya, Pulau Pinang, IPU 101** (maklumat terperinci bacaan IPU mengikut lokasi-lokasi stesen pengawasan adalah seperti yang dilampirkan).

Hujan lebat di kebanyakan kawasan di Lembah Kelang sejak semalam telah menyebabkan kualiti udara sedikit bertambah baik dan tren menunjukkan penurunan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) di beberapa buah stesen di kawasan Lembah Kelang berbanding bacaan IPU pada 17 Jun 2012.

Laporan imej satelit NOAA-18 yang dikeluarkan oleh "ASEAN Specialised Meteorological Centre" (ASMC) pada 17 Jun 2012 menunjukkan bilangan titik panas (hotspot) di Sumatera, Indonesia telah meningkat kepada 163 titik panas berbanding 80 titik panas pada 16 Jun 2012.

Imej satelit dan laporan peta jerebu serantau yang dikeluarkan ASMC menunjukkan arah angin barat raya telah membawa asap jerebu dari titik panas di Sumatera Tengah dan Sumatera Utara ke

beberapa kawasan di utara pantai barat Semenanjung dan di utara pantai timur Semenanjung. Laporan peta jerebu serantau ASMC tersebut seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1**.

Oleh yang demikian, punca utama kemerosotan kualiti udara yang sedang dialami di kawasan di negeri utara dan pantai timur Semenanjung serta masih dikesan di Lembah Kelang pada pagi ini adalah disebabkan oleh pencemaran jerebu merentas sempadan dari Sumatera, Indonesia.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan terus mengawasi dengan rapi status kualiti udara di seluruh negara dan telahpun menggerakkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan dan mengaktifkan Pelan Tindakan Mencegah Pembakaran Terbuka di semua negeri serta mempertingkatkan pelaksanaan Prosedur Tetap Operasi (SOP) Program Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut Yang Mudah Terbakar bagi mencegah dan mengawal sebarang punca tempatan yang boleh menyumbang kepada kemerosotan kualiti udara. Di samping itu, penguatkuasaan ke atas pelepasan asap dari kenderaan bermotor dan pelepasan dari industri-industri dipertingkatkan.

Perintah Larangan Terbuka bagi kawasan di seluruh Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang dikeluarkan pada 16 Jun 2012 masih dikuatkuasakan.



Orang ramai terus dinasihatkan supaya tidak melakukan atau menyebabkan pembakaran terbuka. Orang ramai juga diminta berkerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

**JABATAN ALAM SEKITAR**

**18 JUN 2012**



INDEKS  
PENCEMAR UDARA (IPU),  
JABATAN ALAM SEKITAR  
MALAYSIA  
PADA 18 JUN 2012,  
JAM 11 .00 PAGI



KAWASAN AREA	Masa/Time 11:00am
Kangar, PERLIS	68*
Langkawi, KEDAH	66*
Alor Setar, KEDAH	85*
Bakar Arang, Sg. Petani, KEDAH	96*
USM, P. PINANG	86*
Perai, P. PINANG	89*
Seberang Jaya 2, Perai, P. PINANG	101*
JalanTasek, Ipoh, PERAK	84*
S K Jalan Pegoh, Ipoh, PERAK	80*
Kg. Air Putih, Taiping, PERAK	84*
Seri Manjung, PERAK	95*
Tanjung Malim, PERAK	68*
Pelabuhan Kelang, SELANGOR	83*
Petaling Jaya, SELANGOR	64*
Banting, SELANGOR	65*
Shah Alam, SELANGOR	63*
Kuala Selangor, SELANGOR	79*
Batu Muda, KL W.PERSEKUTUAN	63*
Cheras, KL W. PERSEKUTUAN	69*
PutraJaya, W. PERSEKUTUAN	59*
Labuan, W. PERSEKUTUAN	62*
Nilai, N. SEMBILAN	75*
Seremban, N. SEMBILAN	59*
Port Dickson, N. SEMBILAN	60*
Bukit Rambai, MELAKA	65*
Bandaraya MELAKA	58*
Pasir Gudang, JOHOR	51*
Larkin, JOHOR	38*
Muar, JOHOR	60*
Kota Tinggi, JOHOR	49*
Tanah Merah, KELANTAN	95*

SMK Tanjung Chat, Kota Bharu, KELANTAN	83*
Kemaman, TERENGGANU	69*
Paka, TERENGGANU	51*
Kuala Terengganu, TERENGGANU	66*
Jerantut, PAHANG	58*
Indera Mahkota, Kuantan, PAHANG	58*
Balok Baru, Kuantan, PAHANG	61*
Kuching, SARAWAK	51*
Sibu, SARAWAK	60*
Bintulu, SARAWAK	52*
Miri, SARAWAK	55*
ILP Miri, SARAWAK	52*
Sarikei, SARAWAK	52*
Limbang, SARAWAK	52*
Samarahan, SARAWAK	58*
Sri Aman, SARAWAK	39*
Kapit, SARAWAK	52*
Kota Kinabalu, SABAH	49*
Tawau, SABAH	#
Keningau, SABAH	56*
Sandakan, SABAH	36*

Keterangan/Explanation

Taksiran IPU <i>API Indication</i>	Bilangan Kawasan <i>Number of Areas</i>
0-50 Baik/Good	5
51-100 Sederhana/Moderate	45
101-200 Tidak Sihat/Unhealthy	1
201-300 Sangat Tidak Sihat/Very Unhealthy	0
>301 Berbahaya/Hazardous	0
# Masalah Teknikal/Technical Problem	1

Nota/Note: \* = Habuk Halus (PM10)

a = Sulfur Dioksida (SO<sub>2</sub>)

b = Nitrogen Dioksida (NO<sub>2</sub>)

c = Ozon (O<sub>3</sub>)

d = Karbon Monoksida (CO)

& = Lebih daripada satu pencemar



Rajah 1: Peta Jerebu Serantau Pada 17 Jun 2012 yang dikeluarkan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)

